

16.1.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PENURUNAN 0.6% PENGGUNAAN AIR DI PULAU PINANG PADA 2025

- **Purata penggunaan air oleh 721,066 pengguna ialah 865 juta liter sehari (JLH) pada tahun 2025 berbanding 870 JLH pada tahun 2024.**
- **PBAPP menghasilkan purata 1,208 JLH air terawat pada tahun 2025. Peratus Air Tidak Berhasil (NRW) ialah 28.4% pada tahun 2025 berbanding 28.0% pada tahun 2024.**

PULAU PINANG, Jumaat, 16.1.2026: Penggunaan air di Pulau Pinang mencatatkan penurunan kecil sebanyak kira-kira 5 juta liter sehari (JLH) atau 0.6% pada tahun 2025 berbanding tahun 2024.

Ini merupakan satu perkembangan yang positif bagi Pulau Pinang. Ia menunjukkan bahawa lebih ramai rakyat Pulau Pinang serta perniagaan yang beroperasi di negeri ini mematuhi nasihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP untuk menggunakan air secara berhemat, selaras dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang kekurangan air dengan sumber air mentah yang terhad.

Jadual A membandingkan data utama pengeluaran dan penggunaan air di Pulau Pinang bagi tahun 2024 dan 2025.

Jadual A		2024	2025
1.	Pengeluaran air terawat PBAPP	1,208 JLH	1,208 JLH
2.	Penggunaan air yang direkodkan	870 JLH	865 JLH
3.	Air Tidak Berhasil (NRW)	28.0%	28.4%

Pengeluaran Air Terawat

Pengeluaran air terawat harian kekal seperti tahun 2025, iaitu sebanyak 1,208 JLH, sama seperti jumlah pengeluaran air terawat pada tahun 2024.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, jumlah air terawat terbesar dihasilkan di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU).

Pada tahun 2025, kira-kira 1,033 JLH (85.5%) daripada 1,208 JLH air terawat yang dihasilkan oleh PBAPP di Pulau Pinang telah dipam dari LRA Sungai Dua.

Sebagai perbandingan dengan LRA Sungai Dua, sembilan (9) LRA lain di Pulau Pinang menghasilkan sebanyak 175 JLH, atau 14.5% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran

air terawat pada tahun 2025. Peranan utama sembilan LRA ini adalah untuk membekalkan air terawat ke kawasan di luar liputan perkhidmatan LRA Sungai Dua serta menambah bekalan air di kawasan sempadan.

Statistik ini menegaskan kepentingan LRA Sungai Dua sebagai pengeluar air terawat paling utama di Pulau Pinang untuk kegunaan harian. Angka-angka ini juga mencerminkan kepentingan Sungai Muda kepada Pulau Pinang, memandangkan Sungai Muda adalah sumber air mentah utama bagi LRA Sungai Dua.

Daripada 1,033 JLH air terawat yang dihasilkan di Sungai Dua pada tahun 2025, kira-kira 638 JLH (62%) telah diagihkan kepada pengguna di Seberang Perai. Baki sebanyak 395 JLH (38%) dipam ke pengguna di bahagian pulau, Pulau Pinang melalui tiga (3) set saluran paip dasar laut berkembar.

Penggunaan Air yang Direkodkan

Bilangan pengguna air berdaftar di Pulau Pinang meningkat sebanyak 15,538 pengguna (2.2%), daripada 705,528 pengguna pada tahun 2024 kepada 721,066 pengguna pada tahun 2025. Secara umumnya, trend terdahulu menunjukkan bahawa peningkatan bilangan pengguna air lazimnya disertai dengan peningkatan jumlah penggunaan air dari tahun ke tahun.

Sehubungan itu, penurunan kecil sebanyak 5 JLH dalam jumlah keseluruhan penggunaan air pada tahun 2025 merupakan satu perkembangan yang agak positif, yang memberikan sedikit kelegaan kepada status Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang mengalami tekanan sumber air. Selain itu, perlu diambil perhatian bahawa Pulau Pinang berjaya melalui fenomena El Niño yang panas dan kering pada tahun 2025 tanpa berlakunya krisis air.

Data ini membuktikan bahawa kempen penjimatan air PBAPP yang berterusan, yang menggalakkan penjimatan serta penggunaan air secara lebih berhemat, telah menunjukkan hasil yang positif.

Air Tidak Berhasil (NRW)

Pada tahun 2025, PBAPP merekodkan peningkatan 0.4% kadar Air Tidak Berhasil (NRW), atau kehilangan air, berbanding tahun 2024. Dari segi kuantiti, peningkatan 0.4% NRW ini bersamaan dengan kira-kira 1.7 JLH.

Peningkatan kecil ini sebahagiannya berpunca daripada gangguan bekalan air berjadual (SWSI) yang berkaitan dengan kerja-kerja penaiktarafan dan pembaikan infrastruktur kritikal. Sebagai contoh, kehilangan NRW yang ketara telah berlaku semasa SWSI pada April 2025 yang menjejaskan kira-kira 340,000 pengguna air di Seberang Perai dan bahagian pulau, Pulau Pinang.

Faktor utama lain ialah gangguan bekalan air tidak berjadual (UWSI) yang berpunca daripada paip pecah dan bocor, termasuk paip-paip yang telah beroperasi selama lebih

50 tahun.

Faktor sekunder pula ialah pelaksanaan pelbagai projek kejuruteraan PBAPP yang bertujuan menangani serta menyelesaikan isu bekalan air di Seberang Perai Selatan (SPS). Peratusan NRW bagi SPS pada tahun 2025 ialah 30.9%, manakala peratusan NRW khusus bagi SPS pada Disember 2025 adalah 26.6%.

Jadual B membandingkan statistik utama berkaitan penggunaan air dan peratusan Air Tidak Berhasil (NRW) di bahagian pulau dan Seberang Perai bagi tahun 2025:

Jadual B	Penggunaan	% Penggunaan Keseluruhan	% NRW
Bahagian Pulau	368 JLH	42.5%	26.7%
Seberang Perai	497 JLH	57.5%	29.6%
Negeri Pulau Pinang	865 JLH	100.0%	28.4%

Purata kebangsaan bagi Air Tidak Berhasil (NRW) ialah 34.3% pada tahun 2024. Hanya dua (2) negeri lain di Malaysia merekodkan peratusan NRW yang lebih rendah berbanding 28.0% Pulau Pinang pada tahun 2024, iaitu Johor (24.1%) dan Selangor (27.0%).

Perlu dinyatakan bahawa pada tahun 2025, PBAPP menumpukan usaha kepada pengoptimuman Projek Kitar Semula Air Sifar Pembaziran berkapasiti 25.4 JLH di LRA Sungai Dua.

Melalui projek ini, PBAPP secara berterusan “menuai” sejumlah besar tambahan air kitar semula bagi menghasilkan lebih banyak air terawat untuk dibekalkan di Pulau Pinang. Tiada operator bekalan air lain di Malaysia yang melaksanakan pendekatan ini pada tahun 2025.

NRW merujuk kepada “kehilangan air”. Manfaat utama pengurangan NRW ialah keupayaan untuk menyediakan jumlah air terawat yang lebih tinggi untuk dibekalkan kepada pengguna. Sehubungan itu, “pertambahan air” sebanyak 25.4 JLH hasil projek kitar semula air PBAPP boleh disetarakan dengan pengurangan NRW sebanyak 7.4% di Pulau Pinang pada tahun 2025.

Walau bagaimanapun, PBAPP menyasarkan untuk mencapai kadar NRW 25.0% bagi Pulau Pinang pada tahun 2026. Inisiatif utama pengurangan NRW yang sedang dirancang dan dilaksanakan merangkumi penggantian paip, penggantian meter, serta penubuhan *District Metered Areas (DMA)*.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my